

Falsafah Asas TN50



NAJIB RAZAK



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PENULIS:

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK

KETUA EDITOR :

**DATUK SERI PROFESOR DR. KHAIRIL ANNAS JUSOH
TAN SRI DR. ALI HAMSA**

TIMBALAN KETUA EDITOR:

DR. SABRI MOHAMAD SHARIF

EDITOR:

**TAN SRI PROFESOR DR. ABDULLAH MD ZIN
JOHAN MAHMOOD MERICAN
TAN SRI PROFESOR DR. ABDUL LATIFF BIN ABU BAKAR
DATO' HAJI MOHD YUSOF BIN DIN
SAIFUL BAHARI BAHAROM
PROFESOR MADYA DR. SHAMRAHAYU ABD AZIZ
DR. HAIROL ANUAR BIN HJ. MAK DIN
KHAMRUL RASYID BIN SOHHIMY
AMAR RASYIDY BIN ABDUL RAHIM
SAIFUL AZHAR BIN SHAHARUN
SHAIFUL BAKHTIAR BIN RODZMAN**

AN DR. MAHATHIR


Falsafah Asas TNSO



NAJIB RAZAK



PUSTAKA PERDANA



1011507



Cetakan Pertama, 2017
Hakcipta Terpelihara © Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.
ISBN 978-983-12888-7-0

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.

Konsep, Rekabentuk dan Aturhuruf:
Kreatif Logik Sdn Bhd (551340-T)

Penerbit:

F  **ORT**

Yayasan Penyelidikan Transformasi (1065721-T)
Foundation of Research on Transformation (FORT)
Tingkat 1, No. 45, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Dato' Sri, 1953-

Falsafah Asas TN50 / PENULIS: DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK ; KETUA EDITOR : DATUK SERI PROFESOR DR. KHAIRIL ANNAS JUSOH, TAN SRI DR. ALI HAMSA ; TIMBALAN KETUA EDITOR: DR. SABRI MOHAMAD SHARIF.

Bibliography: page 311
ISBN 978-967-12888-7-0

1. Malaysia--Politics and government--21st century. 2. Malaysia--Economic conditions--21st century. 3. Malaysia--Social conditions--21st century.

I. Khairil Annas Jusoh, Datuk Seri, Prof. II. Dr., Ali Hamsa, Tan Sri Dr., 1955-
III. Sabri Mohamad Sharif, Dr. IV. Judul.

320.9595

Pencetak:

Cekal Ehsan Resources

197, Jalan Kenanga, Taman Bukit Chedang,
70300 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus

320.9595



FORT

Yayasan Penyelidikan Transformasi

Foundation of Research on Transformation (FORT)

Penaung:

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak

Pengerusi:

YBhg. Datuk Seri Profesor Dr. Hj. Khairil Annas Jusoh

Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah FORT:

YBhg. Dato' Ng Tieh Chuan

YBhg. Dato' Hj. Amirul Rahman Abdul Rahim

YBrs. Tn. Hj. Muhammad Ammir Haron

YBrs. Tn. Hj. Zulkifli Jaafar

KANDUNGAN

SEJAUH MATA MEMANDANG xi

BAHAGIAN 1

TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50):

CITRA DAN ASPIRASI 1

BAHAGIAN 2

PERKHIDMATAN AWAM DAN TRANSFORMASI NASIONAL 2050:

'SERVICE PAR EXCELLENCE' 37

BAHAGIAN 3

HALATUJU MELAYU TN50:

FUNDAMENTAL PERJUANGAN 63

BAHAGIAN 4

INOVASI DAN CABARAN TN50:

MELEBARKAN HORIZON PENCIPTAAN 101

BAHAGIAN 5

KETATANEGARAAN DAN PATRIOTISME TN50:

MENDAKAP ERAT SEBUAH KESETIAAN 123

BAHAGIAN 6

GAGASAN PENYATUPADUAN NASIONAL TN50:

PERLAMBAHAN BANGSA MALAYSIA 143



BAHAGIAN 7

**GENERASI BELIA TN50:
MEWAJAH MASA DEPAN MALAYSIA 177**

BAHAGIAN 8

**GENERASI KHAYRA UMMAH DAN WASATIYYAH TN50:
MEMBINA KETAMADUNAN UNGGUL 213**

BAHAGIAN 9

**ASPIRASI SISTEM PERUNDANGAN TN50:
MENJUNJUNG Keadilan Sejagat 245**

BAHAGIAN 10

**PENDIDIKAN NEGARA KE ARAH TN50:
KUALITI BERTARAF DUNIA 263**

BAHAGIAN 11

**KELESTARIAN EKONOMI MENUJU TN50:
MEMBENTUK SINERGI, MEMPERKUKUH PRESTASI 281**

SIMPULAN KALAM 305


BIBLIOGRAFI 311





Sejauh Mata Memandang

Garis Masa : Malaysia Menuju Gagasan Transformasi Nasional 2050 (TN50)



Sejauh Mata Memandang

Tiada kalimah yang lebih mulia, melainkan diangkat setinggi-tinggi pujian seraya menzahirkan rasa kesyukuran kepada Tuhan yang Maha Berkuasa, atas keizinanNya, yang telah memungkinkan visi baharu perjalanan negara ini dimulai dengan penuh iltizam dan debaran.

Sungguh pun, kita tidak berupaya mengubah masa depan, tetapi pastinya, kita boleh membantu rakyat dan negara dalam membuat persediaan bagi menghadapi masa depan. Justeru itu dalam pembentangan Bajet 2017, saya telah mengumumkan visi baharu yang dikenali sebagai Transformasi Nasional 2050 atau TN50 yang bertujuan untuk memeta dan mencarta sebuah halatuju Malaysia yang lebih meluas lagi inklusif, yang digabungkan, untuk panduan masa depan Malaysia yang makmur serta sejahtera menjelang tahun 2050 kelak. Seterusnya, TN50 juga bertujuan merangka bukan sahaja sebuah dokumen visi *atau vision document*, malah melalui sintesis segala pandangan dan kehendak pelbagai pihak, termasuk penyediaan dasar-dasar serta *national strategy*, pelan pelaksanaan dan aspek pemantauan untuk sampai ke matlamat TN50 bagi tempoh 30 tahun akan datang.

Realitinya, sejak visi TN50 ini digagaskan, saya mengamati dan dapat melihat dengan jelas bahawa dari hari ke hari, masa ke masa, ia semakin mendapat tempat serta perhatian rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Sehubungan itu, sehingga ke hari ini walaupun kurang setahun visi nasional ini digagaskan, maklum balas yang saya terima melalui pelbagai tulisan dan pandangan termasuk juga daripada media sosial amat memberangsangkan. Selanjutnya saya juga turut mendengar suara hati rakyat Malaysia melalui wacana-wacana dan dialog TN50 yang dihadiri oleh saya sendiri, iaitu yang pertama, **Dialog Transformasi Nasional 2050 bersama golongan belia di Universiti Malaya pada 19 Januari 2017, Dialog TN50 bersama Belia dan Mahasiswa di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 12 Mac 2017, Dialog TN50 bersama Penggiat Seni di Seri Perdana pada 17 Mei 2017 dan Pelancaran TN50 Youth Circle of the Future pada 26 Mei 2017 serta Dialog TN50 bersama Penjawat Awam di Kementerian Kewangan pada 31 Mei 2017 dan TN50 bersama Wanita pada 4 September 2017.**

Banyak aspirasi, pandangan dan input bernas telah diutarakan di dalam program-program ini, merangkumi pelbagai topik seperti pendidikan, ekonomi, sosial dan budaya, soal identiti serta jati diri. Rata-rata rakyat Malaysia daripada segenap lapisan, keturunan serta agama menginginkan yang terbaik untuk TN50 ini demi kebaikan dan kemaslahatan negara. Sememangnya, maklum balas yang rancak dan segar ini amat menggembirakan hati saya kerana ternyata visi nasional ini telah meresapi ke seluruh peringkat dan menjadi satu aspirasi bersama yang didokong oleh setiap rakyat.

Oleh yang demikian, berlandaskan pandangan yang saya terima daripada setiap golongan rakyat melalui program dialog dan medium-medium lain, saya berpandangan, sudah sampai masanya untuk diambil inisiatif bagi merangkumkan semuanya di dalam sebuah buku bertajuk *Falsafah Asas Transformasi Nasional 2050 atau TN50* ini, yang merupakan terbitan penting bertujuan untuk memberi pencerahan, panduan dan idea-idea asas kepada rakyat Malaysia tentang hal-hal pokok dalam penghasilan TN50 ini.

Sebagai permulaan, dicetuskan 11 mauduk atau pertajukan utama dan falsafah asas yang dirangkumkan di dalam buku ini iaitu:-

- 1) **Transformasi Nasional 2050 atau TN50: Citra dan Aspirasi**
- 2) **Perkhidmatan Awam serta Transformasi Nasional 2050: 'Service Par Excellence'**
- 3) **Halatuju Melayu TN50: Fundamental Perjuangan**
- 4) **Inovasi dan Cabaran TN50: Melebarkan Horizon Penciptaan**
- 5) **Ketatanegaraan dan Patriotisme TN50: Mendakap Erat Sebuah Kesetiaan**
- 6) **Generasi Belia TN50: Mewajah Masa Depan Malaysia**
- 7) **Generasi Khayra Ummah TN50: Membina Ketamadunan Terunggul**
- 8) **Generasi Khayra Ummah dan Wasatiyyah TN50: Membina Ketamadunan Unggul**
- 9) **Aspirasi Sistem Perundangan TN50: Menjunjung Keadilan Sejagat**
- 10) **Pendidikan Negara Ke Arah TN50: Kualiti Bertaraf Dunia**
- 11) **Kelestarian Ekonomi Menuju TN50: Membentuk Sinergi, Memperkukuh Prestasi.**

Kesemua falsafah asas ini bertujuan untuk mewujudkan pelan dan kerangka yang kukuh bagi menaungi kehidupan serta keperluan rakyat Malaysia, supaya ia sentiasa kekal relevan dalam menghadapi kerencaman situasi global sebagai panduan asas bagi rakyat Malaysia bagi menuju tahun 2050 kelak.

Kendati itu, menerusi naskhah besar ini, saya berharap agar para pembaca yang budiman dapat memahami kupasan dan penerangan di sebalik setiap falsafah-falsafah asas yang dirungkai dan dicambahkan serta dapat cakna tentang peri-penting dan kewajaran perkara-perkara itu perlu dimengerti serta dilakukan dengan sebaik mungkin. Boleh dikatakan bahawa, falsafah-falsafah ini akan menjadi tunjang pasak dan juga tiang seri yang melambangkan kepentingannya dalam menjamin masa depan Malaysia yang lebih gemilang lagi sentosa serta terus berdaya saing dalam setiap lapangan yang cuba diceburi sebagai sebuah negara bangsa yang hebat, wibawa dan berjaya.

Lantaran itu, saya tidak mahu melihat falsafah-falsafah asas TN50 ini sebagai jumud dan terikat serta statik sifatnya. Biarlah ia berkembang, bermandiri dan berevolusi lagi bercambah sebagai rangkaian falsafah-falsafah yang dinamik. Bahkan, saya menginginkan falsafah-falsafah ini terus ditambah baik, ditambah nilai, dengan cetusan rasa dan pandangan yang konkrit, tuntas lagi relevan daripada setiap golongan rakyat yang membaca serta menekuni buku ini.

Justeru itu, didoakan, semoga segala visi ini dapat difahami dan dimengerti, serta terus mekar bak bunga kembang menguntum, harum mewangi dalam taman sanubari kita semua, lantas menjadi azimat untuk melunaskan tugas dan tanggungjawab serta perjuangan murni demi kepentingan bangsa, agama dan negara.

Simpulan kalam, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan, setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih, kepada semua pihak serta individu yang penuh iltizam dan fokus dalam membantu bagi menghasilkan dokumen bangsa ini khususnya kepada para Ketua Editor yang diketuai oleh Penasihat saya, Datuk Seri Profesor Dr. Khairil Annas Jusoh, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Dr. Sabri Mohamad Sharif sebagai Timbalan Ketua Editor. Begitu juga kepada sekumpulan para editor yang terdiri Tan Sri Profesor Dr. Abdullah Md Zin, Johan Mahmood Merican, Tan Sri Profesor Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar, Dato' Haji Mohd Yusof bin Din, Saiful Bahari Baharom, Profesor Madya Dr. Shamrahayu Abd Aziz, Dr. Hairol Anuar bin Hj. Mak Din, Khamrul Rasyid bin Sohimy, Amar Rasyidy Bin Abdul Rahim, Saiful Azhar bin Shahrarun serta Shaiful Bakhtiar bin Rodzman.

Semoga berkalamlah sejarah, demi menyaksikan akan lahirnya sebuah Malaysia yang maju jaya, aman makmur lagi sentosa, bahagia buat selama-lamanya. Insya Allah.

Kita hanya berikhtiar, moga-moga Allah SWT mentakdirkan yang mulia dan baik-baik buat Negaraku Malaysia Permata Nilam tercinta ini.

Najib Razak

Seri Perdana Putrajaya

23.7.2017

Falsafah Asas TN50 NAJIB RAZAK

Sukacitanya saya mengumumkan pihak Kerajaan telah melancarkan siri dialog nasional atau *national discourse* bagi memeta hala tuju negara di atas sebuah kanvas yang baharu. Kalau lebayung gagasan negara yang saya perkenalkan sejak 2010 adalah, Dasar Transformasi Nasional atau DTN, maka wacana nasional ini pula saya namakan sebagai, Transformasi Nasional 2050 dan sesudah ini dijenamakan sebagai TN50.

Kalau Dasar Ekonomi Baru dulu, Allahyarham Tun Razak merencanakan untuk menyediakan Generasi Baharu yang berjaya dalam tempoh 30 tahun, begitulah TN50 ini akan menjangkau tiga dekad proses dan gerak kerjanya, bagi membentuk sesebuah negara bangsa yang benar-benar unggul lagi berwibawa serta berminda *par excellence* dan melahirkan generasi *Khayra Ummah*.

TN50 akan dan telah dimula gerakkan dengan generasi muda belia pelbagai bangsa melalui wacana-wacana nasional atau *national discourse* serta dialog dengan segenap lapisan masyarakat seperti wanita, penggiat seni kebudayaan dan karyawan, penjawat awam, negarawan serta mahasiswa.

Mudah-mudahan perjalanan visi TN50 ini yang prosesnya dilaksanakan secara *bottom up* dan tidak lagi berkonsepkan *top down*, akan membawa Malaysia mencapai status negara maju *High Income Advanced Economy* menjelang tahun 2020.


Bahkan, kita akan menggandakan sasaran ekonomi kepada 2 trilion ringgit ketika menyingsingnya fajar 2025, sekaligus meletakkan Malaysia, yakni permata nilam ini, menuju tahun 2050, berada pada kedudukan 20 negara terbaik dan termaju di persada dunia. InsyaAllah.

Biarlah TN50 ini menjadi saksi dan berkalamlah tawarikh bahawa, kita adalah bapa-bapa atau nenek moyang yang bertanggungjawab, mahu mewariskan yang terbaik dan terhebat, diperturunkan kepada generasi hari muka. TN50, inilah azimat kita mulai kini, biarlah legasi lama berlalu pergi. Harapan masa depan Malaysia kita baharui.

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak

(Intisari dan Petikan Ucapan Bajet 2017 di Parlimen pada 21 Oktober 2016)

ISBN: 978-967-12888-7-0



9 789671 288870